

SULIT

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9987

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) bilangan penangkapan dalam 5 tahun kebelakangan ini untuk kesalahan berkaitan IS; dan
- (b) apakah punca orang-orang ini menjadi radikal, dan adakah fahaman komunisme masih dianggap suatu ancaman.

SULIT

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sejak 2013 hingga 30 Jun 2017, seramai 310 orang elemen Daesh telah ditahan di mana 258 orang merupakan warganegara Malaysia dan baki 52 orang warganegara asing.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan telah mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat mudah terpengaruh dengan kegiatan pengganas militan ini. Antara faktor tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kurang didikan asas agama yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah;**
- (ii) kewujudan kumpulan-kumpulan yang menyalah tafsirkan ajaran Islam khususnya mengenai konsep jihad, penghapusan dosa dan jalan mudah menuju ke syurga;**
- (iii) percaya hanya kumpulan pengganas militan Daesh sahaja yang mampu menubuhkan negara Islam sepenuhnya mengikut acuan radikal;**
- (iv) perasaan benci di kalangan masyarakat Islam terhadap negara barat juga adalah pendorong kepada golongan ini**

SULIT

SULIT

untuk bertindak berjuang bagi menentang kuasa besar yang dianggap sebagai musuh Islam;

- (v) Pertubuhan Islam di peringkat antarabangsa juga telah dianggap gagal dalam melindungi dan mempertahankan nasib negara-negara Islam yang ditindas;
- (vi) penggunaan media sosial secara meluas bagi mendapatkan sokongan serta merekrut anggota baru khususnya golongan muda dan terpelajar bagi merealisasikan agenda kumpulan tersebut; dan
- (vii) pengaruh rakan sebaya juga berperanan dalam mempengaruhi golongan ini untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti kumpulan ekstremis agama khususnya kumpulan pengganas militan Daesh.

Berhubung fahaman komunisme pula, ia masih dianggap suatu ancaman sungguhpun perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) berjaya dilumpuhkan menerusi Perjanjian Damai pada 2 Disember 1989. Ini berikutan ideologi dan kepercayaan di kalangan bekas-bekas anggota PKM masih sehati dan sukar untuk dipisahkan daripada pemikiran mereka.

SULIT